



SIARAN MEDIA

PROGRAM SANTUNI MADANI TINGKAT KESEJAHTERAAN KOMUNITI SETEMPAT

JOHOR BAHRU, 9 FEBRUARI : Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), YBrs. Puan Hanani Sapit merasmikan Program Mini Karnival Santuni Madani berlangsung di Dewan Serbaguna, PPR Taman Sri Stulang, hari ini.

Menyahut seruan YAB Perdana Menteri untuk turun padang dan menyantuni komuniti setempat, PPR Taman Sri Stulang merupakan projek kampung angkat Ketua Pengarah JPW, menjadi bukti komitmen kerajaan melalui perlaksanaan program berpaksi rakyat untuk memberikan manfaat yang optimum berbentuk penyediaan perkhidmatan kerajaan, selain memperkukuh usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Menerusi penganjuran program ini antara fokus utama JPW adalah isu keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak komuniti setempat PPR Taman Sri Stulang. Objektif utama program ini juga untuk memberi motivasi serta galakan kepada anak-anak dalam komuniti PPR yang keciciran untuk meneruskan pelajaran sehingga tamat persekolahan.

Selain itu bagi pelajar lepasan SPM, mereka juga turut diberikan pendedahan dan motivasi untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya menerusi program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Institut Latihan Perindustrian (ILP) atau GiatMARA yang menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam pelbagai bidang kemahiran.

JPW juga membuka reruai yang memfokuskan pendedahan kepada peranan Skwad Waja dan program Advokasi Antigangguan Seksual (AAGS) yang turut berkongsi ilmu pengetahuan dan bimbingan psikososial bagi membantu serta meningkatkan keharmonian dalam komuniti setempat.

Penglibatan reruai daripada agensi kerajaan dan swasta yang merupakan rakan strategik JPW turut diadakan sepanjang program berlangsung bagi menyediakan pelbagai maklumat dan perkhidmatan serta sesi temuduga di lokasi program bagi membuka peluang pekerjaan kepada komuniti PPR Sri Stulang.

Di majlis sama JPW turut menjalinkan kerjasama strategik bersama *Flash Express* Malaysia, Bank Simpanan Nasional (BSN), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) serta BFF *Personal Care* Sdn Bhd menerusi penganjuran karnival ini yang bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial badan-badan korporat dengan pemberian sumbangan berupa peralatan sekolah dan barangan keperluan pelajar untuk diagihkan kepada penerima-penerima bantuan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
9 FEBRUARI 2025